



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 2/1977**

*'Tarikh Penyempurnaan Sesuatu Suratcara' Untuk
Tujuan Pungutan Bayaran Pendaftaran Lewat*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil tanah mengenai penentuan tarikh penyempurnaan suratcara-suratcara urusan untuk tujuan pungutan bayaran pendaftaran lewat.

2. Di bawah Seksyen 293 Kanun Tanah Negara, bayaran pendaftaran lewat hendaklah disertakan dengan tiap-tiap suratcara urusan yang diserahkan selepas tiga bulan daripada tarikh suratcara itu disempurnakan. Sebenarnya dua tarikh yang berlainan telah wujud jika suratcara itu tidak disempurnakan oleh pihak-pihak yang berkenaan pada tarikh yang sama. Bagi kes yang demikian, masalah mungkin timbul mengenai tarikh yang patut diambil kira di antara dua tarikh tersebut untuk tujuan pungutan bayaran pendaftaran lewat.

3. Dari peruntukan-peruntukan seksyen 208 dan 210 kanun Tanah Negara sesuatu suratcara urusan itu bolehlah disifatkan sebagai telah disempurnakan sepenuhnya apabila kesemua pihak telah menyempurnakannya. Oleh kerana pihak yang terkemudian mungkin menyempurnakan suratcara itu pada tarikh yang lewat maka surat cara itu bolehlah dianggap telah disempurnakan sepenuhnya pada tarikh tersebut (tarikh beliau menandatangani suratcara itu). Dengan itu dalam mana-mana suratcara urusan tarikh yang patut diambil kira untuk tujuan seksyen 293 Kanan Tanah Negara ialah tarikh penyempurnaan oleh pihak terkemudian.

3. Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut hendaklah mengambil perhatian bahawa untuk tujuan pungutan bayaran pendaftaran lewat bagi sesuatu suratcara urusan tarikh penyempurnaannya oleh pihak terkemudian adalah menjadi tarikh bagi penyempurnaan suratcara itu.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 403

Kuala Lumpur